

20/12/1997

Potongan istimewa untuk pesakit kurang mampu

SEREMBAN, Jumaat - Kerajaan negeri menyarankan semua hospital swasta di negeri ini memberi potongan harga istimewa kepada golongan kurang berkemampuan.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Pembangunan Maysarakat, Datuk Goh Siow Huat, berkata ini bagi memastikan orang ramai mendapatkan menjelaskan bil mereka.

Katanya, hospital perlu dilihat sebagai satu institusi yang mengutamakan tanggungjawab sosial yang dapat memberikan rawatan bagi mengurangkan masalah mereka.

Goh berkata, sikap pilih kasih dan memilih pesakit perlu dielakkan supaya kepentingan orang awam tidak diabaikan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta hospital swasta memberi diskaun kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital swasta.

Dr Mahathir ketika merasmikan sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur, semalam, turut meminta sektor swasta memberikan rasa simpati terhadap warga negara ini.

Goh berkata, hospital perlu menimbangkan tahap kemampuan pesakit dalam keadaan tukaran wang negara yang masih belum stabil disebabkan kegawatan ekonomi.

"Bayaran yang terlalu tinggi mebebaskan pesakit miskin dan boleh memburukkan keadaan apabila mereka tidak mampu membayarnya selepas rawatan diberikan," katanya.

"Pesakit memerlukan hospital swasta sebagai alternatif selepas hospital kerajaan kerana bilangan hospital serta kakitangan yang ada terhad dan tidak dapat merawat bilangan pesakit yang semakin ramai," katanya.

Goh berkata, dengan pengurangan bayaran terbabit, kasih sayang dan sikap harmoni dapat dipupuk di kalangan masyarakat berbilang bangsa.

Beliau berkata, pihak swasta perlu bersikap lebih positif terhadap saranan kerajaan agar kemudahan diskaun itu dapat meringankan beban orang ramai.

"Bayaran terlalu tinggi kepada orang ramai patut dikurangkan bagi memudahkan mereka mendapat rawatan kerana tidak semua mampu mendapatkan rawatan di hospital swasta jika bayaran mahal," katanya.

Goh berkata, dengan adanya tolak ansur daripada kedua-dua pihak, barulah matlamat konsep masyarakat penyayang dapat dilaksanakan.

Beliau berkata, walaupun kos untuk menampung peralatan dan belanja perubatan mereka agak tinggi, mereka juga perlu mengambilkira dengan keperluan dan kemampuan masyarakat.

"Tetapi, jika pesakit yang mendapatkan rawatan masih tidak dapat menjelaskan bil hospital, mereka boleh meminta bantuan wakil rakyat untuk meringankan beban pesakit terbabit," katanya.

(END)